

Sertai kerja amal – PM

UM-30/7/2006

BANGI 29 Julai – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan pengurusan universiti mengambil tindakan bagi menarik penglibatan pelajar semua kaum dalam kegiatan sukarelawan anjuran universiti.

Perdana Menteri berkata, dasar pendidikan kerajaan bukan sekadar melahirkan pelajar yang pandai tetapi generasi penyang yang sanggup menyertai kerja amal dan sukarela membantu golongan kurang bernasib baik.

“Apa gunanya jika pelajar kita pandai, tetapi sombong, suka berbohong dan tidak mempunyai perasaan kasih sayang terhadap orang lain,” katanya pada majlis dialog dengan pelajar institut pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/IPTS) yang menyertai Kelab Penyayang.

Sebelum itu, beliau merasmikan Sidang Kemuncak Kelab Penyayang di Institut Latihan Keselamatan Sosial Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (ESSET), di sini hari ini.

“Dalam usaha membangunkan modal insan berkualiti, kita bukan sahaja memberi ilmu pengetahuan tetapi juga menumpukan kepada pembangunan moral,” ujar Abdul-lah.

Beliau berkata, kerajaan menyediakan

pendidikan bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat supaya mereka dapat menggunakan ilmu pengetahuan untuk tujuan kebaikan.

Abdullah menyatakan demikian semasa menjawab soalan seorang pelajar mengenai tindakan kerajaan bagi menggalakkan pelajar bukan Melayu menyertai program kebajikan dan badan sukarelawan seperti Kelab Penyayang.

Ketika menjawab soalan wakil Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Abdullah meminta Kementerian Pengajian Tinggi meluluskan segera kertas cadangan projek kemasyarakatan yang dianjurkan oleh Kelab Penyayang universiti.

Bersetuju

“Pak Lah sokong cadangan itu dan Mustapa (Datuk Mustapa Mohamed) sila ambil tindakan,” ujar beliau sambil bersetuju supaya usaha murni itu tidak dilengah-lengahkan.

Semasa merasmikan majlis itu, Abdullah menggesa rakyat memupuk sifat kasih sayang bermula dengan diri sendiri supaya mereka dapat menjadi manusia yang berguna kepada masyarakat.

▲ Apa gunanya jika pelajar kita pandai, tetapi sombong, suka berbohong dan tidak mempunyai perasaan kasih sayang terhadap orang lain

– Abdullah Ahmad Badawi

Katanya, jika setiap rakyat mempunyai perasaan kasih sayang ia boleh membentuk keluarga yang penyayang dan bahagia.

“Melalui sifat kasih sayang, kita akan dapat melahirkan keluarga yang saling bantu-membantu, tidak ada perasaan benci, mempunyai perasaan belas kasihan, lembut dalam tutur kata dan sentiasa memberi sokongan kepada ahli keluarganya dalam sebarang usaha.

“Kita harus memperkasakan diri dengan perasaan kasih sayang, supaya kita dapat menjadi masyarakat yang berguna, supaya kita tidak sesal di kemudian hari kerana tidak dapat berbuat sesuatu untuk membantu orang lain,” katanya.

Abdullah berkata, setiap agama mengajar tentang perlunya penganutnya memupuk perasaan kasih sayang dan memberi keadilan kepada keluarga mereka.

“Saya tidak dapat membayangkan seseorang yang melakukan kezaliman kepada orang lain dan tidak bersalah kerana sudah hilang perasaan kasih sayang,” katanya.

Perdana Menteri juga menggesa lebih banyak syarikat swasta tampil menaja program kebajikan yang dianjurkan oleh badan kebajikan dan sosial di negara ini.

“Syarikat swasta boleh menjadi bapa angkat kepada program kebajikan anjuran badan sukarela atau kebajikan.

“Jika banyak pihak terlibat dengan kerja amal dan sukarela maka lebih ramailah golongan istimewa dan mereka yang kurang bernasib baik dapat dibantu,” katanya.

Mengenai Kelab Penyayang universiti, beliau turut mengarahkan Kementerian Pelajaran menimbangkan penubuhan Kelab Penyayang Junior bagi menarik penglibatan pelajar peringkat menengah.